

**KAJIAN PEMAKANAN LARVA IKAN YANG BERLAINAN  
DARI LAUT CHINA SELATAN**

**R. A. ROKI BIN MOHAMED**

**FAKULTI PERIKANAN DAN SAINS SAMUDRA,  
UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA  
SERDANG, SELANGOR  
*1987/88***





KAJIAN PEMAKANAN LARVA IKAN YANG BERLAINAN  
DARI LAUT CHINA SELATAN

OLEH

R.A.ROKI BIN MOHAMED

Laporan ini merupakan sebahagian daripada  
keperluan untuk mendapatkan Ijazah  
Bacelor Sains ( Perikanan )

FAKULTI PERIKANAN DAN SAINS SAMUDRA  
UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA

1987 / 88

1000382933

PENGHARGAAN

Bismillahirrohmannirrahim,

Dengan nama Allah yang maha pemurah lagi maha penyayang. Saya bersyukur ke hadrat Allah s.w.t., kerana dengan kehendakNya dapat saya menyiapkan projek dan laporan projek dengan jayanya.

Jutaan terima kasih kepada penyelia projek saya, Puan Chan Eng Heng dan Encik Liew Hock Chark yang telah banyak memberi kerjasama dan bimbingan dalam rangka menyiapkan projek ini.

Istimewa sekali kepada bonda Alijah Abdul Rahman dan ayahanda Mohamed Abdullah yang telah banyak memberi semangat, dorongan dan nasihat supaya terus berjuang dalam bidang ini, sepanjang tempoh pengajian saya di Universiti Pertanian Malaysia.

Seterusnya kepada semua pembantu makmal Pusat Perikanan dan Sains Samudra, Universiti Pertanian Malaysia, Kuala Terengganu dan rakan-rakan seperjuangan yang telah terlibat secara langsung atau tidak dalam usaha saya menyiapkan projek ini. Terima kasih saya ucapkan. Semoga Allah mengurniakan rahmatNya kepada kita semua.

Wassalam.

## ABSTRAK

Sebanyak 144 ekor larva ikan dari 17 famili berlainan telah diambil dalam Ekspedisi Matahari 1987 dengan menggunakan jaring bongo. Sembilan famili telah dilakukan kajian pemakanan ke atas mereka; iaitu Apogonidae, Bregmacerotidae, Gobiidae, Holocentridae, Labridae, Leiognathidae, Lutjanidae, Nemipteridae dan Synodontidae.

Kebanyakan larva-larva didapati mengambil copepoda dalam beberapa edaran hidup sebagai makanan utama mereka. Dari kajian yang telah dilakukan, kira-kira 64 % larva mempunyai perut yang tidak mengandungi makanan.

Dapat dilihat dalam kajian ini bahawa apabila larva membesar, saiz makanan yang diambil juga bertambah disamping makanan yang bersaiz kecil. Larva-larva dalam famili Gobiidae dan Leiognathidae menunjukkan perhubungan ini manakala larva-larva dalam famili lain tidak menunjukkan perhubungan ini.

ABSTRACT

A total of 144 fish larvae representing 17 families were collected during Matahari Expedition 1987 using the bongo net. Larvae from 9 families ( Apogonidae, Bregmacerotidae, Gobiidae, Holocentridae, Labridae, Leiognathidae, Lutjanidae, Nemipteridae and Synodontidae ) were dissected for stomach-content analysis.

Most of the larvae were found to feed on various stages of copepods as their main food. About 64 % of larvae had empty stomach.

The size of food consumed by larvae increased with their growth besides small sized food items which were also consumed. Larvae from Gobiidae and Leiognathidae showed this relationship while the remaining families did not show this relationship.